

D.R. 16/2008

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan 2009.

Pengeluaran dan peruntukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2009

2. Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi satu ratus dua puluh sembilan bilion sembilan ratus enam puluh satu juta tiga ratus lapan puluh dua ribu tiga ratus ringgit (RM129,961,382,300) daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2009 adalah dengan ini dibenarkan, dan jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

Rang Undang-Undang

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 1	Parlimen	70,494,400
B. 2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	1,959,000
B. 3	Jabatan Audit	150,825,700
B. 4	Suruhanjaya Pilihan Raya	39,375,900
B. 5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	50,260,700
B. 6	Jabatan Perdana Menteri	3,661,392,300
B. 7	Jabatan Perkhidmatan Awam	1,721,299,400
B. 8	Jabatan Peguam Negara	139,377,600
B. 9	Badan Pencegah Rasuah	161,032,700
B. 10	Perbendaharaan	2,223,388,600
B. 11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	31,223,009,100
B. 12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	4,408,600,100
B. 13	Kementerian Luar Negeri	509,582,100
B. 20	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	1,444,259,900
B. 21	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	3,807,494,100
B. 22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	1,041,195,600
B. 23	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	933,518,300
B. 24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	464,850,000
B. 25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	377,499,100
B. 26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	2,342,153,400
B. 27	Kementerian Kerja Raya	1,388,326,700
B. 28	Kementerian Pengangkutan	876,398,500
B. 29	Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi	92,189,100
B. 30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	814,923,700
B. 31	Kementerian Pelancongan	649,674,700

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 32	Kementerian Wilayah Persekutuan	258,303,800
B. 40	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	16,904,400
B. 41	Kementerian Pelajaran	27,350,295,000
B. 42	Kementerian Kesihatan	11,433,169,900
B. 43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1,394,997,500
B. 44	Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan	686,957,000
B. 45	Kementerian Belia dan Sukan	408,841,400
B. 46	Kementerian Sumber Manusia	555,908,700
B. 47	Kementerian Penerangan	999,857,600
B. 48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	781,390,900
B. 49	Kementerian Pengajian Tinggi	9,682,119,800
B. 60	Kementerian Pertahanan	10,650,504,000
B. 62	Kementerian Dalam Negeri	7,149,051,600
	JUMLAH	129,961,382,300

H U R A I A N

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak satu ratus dua puluh sembilan bilion sembilan ratus enam puluh satu juta tiga ratus lapan puluh dua ribu tiga ratus ringgit (RM129,961,382,300) untuk perkhidmatan bagi tahun 2009 dan supaya jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

KERTAS PERINTAH 40 TAHUN 2008

MALAYSIA

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT MENURUT

PERINTAH

PENYATA DARIPADA KEMENTERIAN KEWANGAN MENGENAI ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN, 2009

PENDAHULUAN

Penyata ini dikemukakan sebagai Kertas Perintah 40 Tahun 2008 bersama-sama dengan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan bagi tahun 2009 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 2008. Ia menunjukkan ringkasan jumlah anggaran bagi Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2009. Kedua-dua Anggaran tersebut ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan yang sama.

JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN 2009

2. Anggaran perbelanjaan yang dicadangkan bagi tahun 2009 adalah berjumlah RM207.90 bilion. Sejumlah RM154.17 bilion atau 74.1% adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM53.73 bilion atau 25.9% adalah untuk Perbelanjaan Pembangunan, termasuk RM2 bilion

bagi Simpanan Luar Jangka. Anggaran perbelanjaan mengikut maksud-maksud perbelanjaan adalah seperti di **LAMPIRAN A** bagi Perbelanjaan Mengurus, **LAMPIRAN B** bagi Perbelanjaan Pembangunan dan **LAMPIRAN C** mengikut pengagihan sektor utama.

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

3. Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2009 adalah berjumlah RM154.17 bilion di mana sebanyak RM24.21 bilion atau 15.7% adalah untuk Perbelanjaan Dipertanggungkan dan sebanyak RM129.96 bilion atau 84.3% adalah untuk Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan Dipertanggungkan seperti yang ditunjukkan di bawah Maksud “Tanggung (T)” adalah merupakan perbelanjaan yang dipertanggungkan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang Persekutuan lain yang berkuatkuasa dan ditunjukkan di dalam anggaran di bawah Maksud T.1 hingga T.14. Peruntukan tersebut adalah termasuk RM13.47 bilion bagi Perbelanjaan Kerana Hutang Negara, RM7.15 bilion bagi Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran dan RM3.48 bilion bagi Pemberian dan Serahan kepada Negeri-negeri. Butiran Perbelanjaan Bekalan seperti yang ditunjukkan di bawah Maksud “Bekalan (B)” adalah perbelanjaan bagi membiayai keperluan mengurus kementerian-kementerian dan agensi-agensi di bawahnya dan ditunjukkan di dalam anggaran di bawah Maksud B.1 hingga B.62.

4. Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2009 sebanyak RM154.17 bilion ini telah dijenis dan dikodkan di bawah Objek-objek Am mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2004 seperti ditunjukkan dalam Jadual I berikut:-

JADUAL I

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS 2009 MENGIKUT OBJEK AM

Objek Am	Butiran	Anggaran Mengurus 2009 (RM juta)	Peratus Daripada Anggaran (%)
(1)	(2)	(3)	(4)
10000	Emolumen	37,985	24.6
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	26,489	17.2
30000	Aset	2,361	1.5
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	86,328	56.0
50000	Perbelanjaan- perbelanjaan Lain	1,007	0.7
	JUMLAH	154,170	100.0

5. Penjelasan mengenai peruntukan yang disediakan untuk Kementerian berdasarkan anggaran perbelanjaan terbesar adalah seperti berikut: -

i. **Kementerian Kewangan**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Kewangan adalah berjumlah RM37.86 bilion, iaitu 24.6% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2009. Perkhidmatan Am Perbendaharaan merangkumi jumlah terbesar, iaitu sebanyak RM31.22 bilion. Jumlah ini meliputi antaranya subsidi gas cecair (LPG), diesel dan petrol (RM21.0 bilion), Rebat Tunai (RM2.0 bilion), Pemberian Kemudahan Asas Kecil (RM1 bilion) dan Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (RM300 juta). Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun adalah berjumlah RM4.41 bilion, antaranya termasuk Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan

Berkanun dan Badan-Badan Lain (RM2.48 bilion), Kumpulan Wang Cadangan Untuk Negeri (RM720 juta) dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (RM400 juta). Di samping itu, sebanyak RM2.22 bilion diperuntukkan untuk membiayai keperluan perbelanjaan mengurus bagi Perbendaharaan termasuk Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

ii. **Kementerian Pelajaran**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pelajaran adalah berjumlah RM27.35 bilion iaitu 17.7% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2009. Sebahagian besar daripada peruntukan ini iaitu sebanyak RM19.96 bilion diperuntukkan bagi pengurusan pendidikan rendah dan menengah termasuk sekolah berasrama penuh, pendidikan guru dan pengurusan buku teks. Pendidikan teknikal, pendidikan khas, matrikulasi dan pendidikan Islam diperuntukkan sebanyak RM1.30 bilion. Manakala, sebanyak RM3.83 bilion diperuntukkan untuk pengurusan Kementerian dan RM102 juta untuk Dewan Bahasa dan Pustaka.

iii. **Kementerian Kesihatan**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Kesihatan adalah sebanyak RM11.43 bilion iaitu 7.4% daripada jumlah Perbelanjaan Mengurus tahun 2009. Peruntukan ini termasuk RM5.95 bilion bagi membiayai perbelanjaan emolumen dan RM5.48 bilion bagi perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan seperti pembelian ubat, bahan pakai buang, penyelenggaraan dan utiliti.

iv. **Kementerian Pertahanan**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pertahanan adalah berjumlah RM10.65 bilion. Sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah untuk membiayai emolumen dan bakinya untuk perolehan bekalan termasuk pakaian seragam, peluru dan bahan api, penggantian peralatan serta menampung perbelanjaan penyelenggaraan pesawat, kapal, kemudahan dan peralatan.

v. **Kementerian Pengajian Tinggi**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pengajian Tinggi adalah berjumlah RM9.68 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM6.81 bilion diperuntukkan bagi pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Manakala sebanyak RM603.6 juta diperuntukkan bagi membiayai pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti.

vi. **Kementerian Dalam Negeri**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Dalam Negeri adalah berjumlah RM7.15 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM4.77 bilion disediakan bagi Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Penjara (RM657.2 juta), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (RM290.8 juta), Jabatan Pertahanan Awam (RM135 juta), Jabatan Imigresen (RM572.8 juta), Jabatan Pendaftaran Negara (RM350.8 juta), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RM19.4 juta) dan Pengurusan Kementerian serta RELA (RM355.6 juta).

vii. **Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah berjumlah RM3.81 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM1.04 bilion disediakan bagi Dasar Jaminan Makanan manakala subsidi baja, subsidi harga padi dan insentif hasil padi (RM950.1 juta), pengurusan kementerian dan jabatan-jabatan (RM572.3 juta), subsidi harga beras (RM400 juta) dan Insentif Hasil Tangkapan Nelayan (RM200 juta). Bagi badan-badan berkanun di bawah kementerian, sebanyak RM187.9 juta disediakan untuk Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) (RM137.6 juta), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) (RM87.8 juta), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) (RM78.7 juta), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) (RM52.9 juta), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) (RM85.1 juta) dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) (RM13.8 juta).

viii. **Jabatan Perdana Menteri**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan agensi-agensi di bawahnya adalah berjumlah RM3.66 bilion. Sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah untuk membiayai pengurusan JPM (RM683.5 juta), Unit Penyelarasn Perlaksanaan (UPP) (RM404.7 juta), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (RM437.4 juta), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (RM314.9 juta) dan Jabatan Perangkaan (RM 125.5 juta).

ix. **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi adalah berjumlah RM2.34 bilion. Sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah untuk membiayai tajaan pelajar ke institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negeri serta pengurusan institusi-institusi pendidikan dan kemahiran yang diuruskan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA).

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

6. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2009 seperti yang ditunjukkan di bawah Maksud "Pembangunan (P)" adalah berjumlah RM53.73 bilion. Jumlah ini adalah termasuk RM2.0 bilion bagi Simpanan Luar Jangka di bawah Maksud P.70. Sebanyak RM51.01 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan langsung manakala RM2.72 bilion adalah dalam bentuk pinjaman kepada negeri-negeri dan agensi-agensi Kerajaan.

7. Pengagihan peruntukan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan mengikut sektor utama adalah seperti berikut:-

i. **Sektor Ekonomi**

Peruntukan bagi sektor ekonomi adalah berjumlah RM27.74 bilion, iaitu 51.6% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2009. Sebanyak RM8.22 bilion untuk tenaga dan kemudahan-kemudahan awam, RM7.61 bilion adalah untuk pengangkutan, RM4.30 bilion untuk perdagangan dan perindustrian, RM3.52 bilion untuk pertanian dan pembangunan luar bandar, RM1.86 bilion untuk alam sekitar, RM1.03 bilion untuk pembangunan sumber-sumber galian dan lain-lain sebanyak RM1.20 bilion.

Daripada RM8.22 bilion disediakan untuk tenaga dan kemudahan-kemudahan awam, sebanyak RM5 bilion adalah untuk pembangunan 5 koridor pembangunan, RM2.10 bilion untuk bekalan air, RM577.9 juta untuk pembedungan, RM513.3 juta untuk bekalan elektrik dan RM3.2 juta untuk peparitan bandar. Sebanyak RM29.1 juta diperuntukan untuk rancangan-rancangan saliran dan pengairan.

Daripada RM7.61 bilion disediakan untuk pengangkutan, sebanyak RM3.56 bilion adalah untuk melaksanakan projek-projek jalan dan jambatan dan RM2.20 bilion adalah untuk membiayai projek-projek keretapi. Bagi membaiki serta menaiktaraf jalan-jalan kampung dan luar bandar, sebanyak RM1.05 bilion telah diperuntukan. Sebanyak RM612 juta pula disediakan untuk projek-projek pelabuhan dan perkhidmatan laut dan RM186 juta untuk penerbangan awam seperti menaiktaraf lapangan terbang sedia ada.

Daripada RM4.30 bilion disediakan untuk perdagangan dan perindustrian, sebanyak RM2.41 bilion adalah untuk pembangunan perindustrian, RM655.4 juta untuk pembangunan usahawan, sebanyak RM630.0 juta untuk industri kecil dan sederhana, RM397.9 juta untuk pembangunan sektor pelancongan, sebanyak RM175 juta untuk pembangunan perniagaan dan RM24.5 juta untuk pemasaran dan lain-lain.

Daripada RM3.52 bilion disediakan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar, sebanyak RM3.03 bilion adalah untuk membiayai pelbagai program pertanian termasuk program seperti skim bantuan aktiviti pelbagai pertanian, projek

pengairan dan saluran, lain-lain projek pertanian dan pembangunan tanah dan wilayah. Sejumlah RM256.8 juta adalah untuk perikanan, RM163.0 juta untuk ternakan dan RM73.4 juta untuk perhutanan.

Daripada RM1.86 bilion disediakan untuk alam sekitar, sebanyak RM1.84 bilion adalah untuk pengkalan sumber perhutanan dan RM24.0 juta untuk pengawalan kualiti alam sekitar.

Sebanyak RM1.03 bilion disediakan untuk pembangunan sumber-sumber galian dan baki sebanyak RM1.20 bilion adalah untuk lain-lain maksud seperti kajian kemungkinan, penyelidikan dan perhubungan.

ii. **Sektor Sosial**

Sebanyak RM17.79 bilion atau 33.1% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2009 disediakan untuk sektor sosial. Daripada jumlah ini, sebanyak RM10.09 bilion adalah bagi pendidikan dan latihan, khususnya untuk menyediakan kemudahan pendidikan dan latihan yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi lain.

Sebanyak RM2.31 bilion disediakan bagi perkhidmatan kesihatan dan kependudukan untuk membiayai projek-projek pembinaan dan naik taraf klinik desa, pusat kesihatan dan hospital. Sebanyak RM2.38 bilion untuk majlis-majlis tempatan dan sebanyak RM1.40 bilion untuk perumahan bagi membiayai projek-projek perumahan termasuk program perumahan rakyat bersepadu, rancangan

perumahan awam kos rendah, perumahan Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan kuarters kakitangan awam.

Baki peruntukan sektor sosial sebanyak RM1.62 bilion adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan masyarakat dan desa, kebudayaan, belia dan sukan serta penerangan dan penyiaran.

iii. **Sektor Keselamatan**

Sebanyak RM4.07 bilion atau 7.6% daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2009 disediakan bagi sektor keselamatan. Jumlah ini adalah untuk membiayai projek-projek pertahanan sebanyak RM3.01 bilion termasuk RM651 juta untuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan keselamatan dalam negeri sebanyak RM1.06 bilion.

iv. **Sektor Pentadbiran Am**

Sektor pentadbiran am disediakan sebanyak RM2.12 bilion atau 3.9% daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2009. Peruntukan ini adalah untuk pembinaan, pengubahsuaian dan pembaikan bangunan pejabat Kerajaan, perolehan sistem dan peralatan komputer serta kemudahan-kemudahan pentadbiran yang lain.

KEMENTERIAN KEWANGAN,
MALAYSIA,
PUTRAJAYA.

29 Ogos 2008

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN MENGRUS TAHUN 2009 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2009**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>JUMLAH (RM)</i>
T.1	Peruntukan Diraja	13,532,900
T.2	Elaun-elaun Diraja	1,524,900
T.3	Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim	74,152,500
T.4	Ketua Audit Negara	692,300
T.5	Yang Dipertua Dewan Rakyat	702,200
T.6	Yang Dipertua Dewan Negara	677,500
T.7	Suruhanjaya Pilihan Raya	1,011,300
T.8	Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan	22,300
T.9	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	6,483,100
T.10	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	5,395,300
T.11	Suruhanjaya Pasukan Polis	636,000
T.12	Perbendaharaan	3,483,568,200
T.13	Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	13,472,864,300
T.14	Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran	7,147,157,900
JUMLAH PERBELANJAAN TANGGUNGAN		<u>24,208,420,700</u>
B.1	Parlimen	70,494,400
B.2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	1,959,000
B.3	Jabatan Audit	150,825,700
B.4	Suruhanjaya Pilihan Raya	39,375,900
B.5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	50,260,700
JABATAN PERDANA MENTERI		5,683,102,000
B.6	Jabatan Perdana Menteri	3,661,392,300
B.7	Jabatan Perkhidmatan Awam	1,721,299,400
B.8	Jabatan Peguam Negara	139,377,600
B.9	Badan Pencegah Rasuah	161,032,700
KEMENTERIAN KEWANGAN		37,854,997,800
B.10	Perbendaharaan	2,223,388,600
B.11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	31,223,009,100
B.12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	4,408,600,100
KEMENTERIAN LUAR NEGERI		509,582,100
B.13	Kementerian Luar Negeri	509,582,100
KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI		1,444,259,900
B.20	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	1,444,259,900
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI		3,807,494,100
B.21	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	3,807,494,100
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH		1,041,195,600
B.22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	1,041,195,600

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN MENGRUS TAHUN 2009 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2009**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>JUMLAH (RM)</i>
	KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR	933,518,300
B.23	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	933,518,300
	KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI	464,850,000
B.24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	464,850,000
	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA	377,499,100
B.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna	377,499,100
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI	2,342,153,400
B.26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	2,342,153,400
	KEMENTERIAN KERJA RAYA	1,388,326,700
B.27	Kementerian Kerja Raya	1,388,326,700
	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	876,398,500
B.28	Kementerian Pengangkutan	876,398,500
	KEMENTERIAN TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI	92,189,100
B.29	Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi	92,189,100
	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	814,923,700
B.30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	814,923,700
	KEMENTERIAN PELANCONGAN	649,674,700
B.31	Kementerian Pelancongan	649,674,700
	KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	258,303,800
B.32	Kementerian Wilayah Persekutuan	258,303,800
	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN	16,904,400
B.40	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	16,904,400
	KEMENTERIAN PELAJARAN	27,350,295,000
B.41	Kementerian Pelajaran	27,350,295,000

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2009 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2009**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>JUMLAH (RM)</i>
	KEMENTERIAN KESIHATAN	11,433,169,900
B.42	Kementerian Kesihatan	11,433,169,900
	KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	1,394,997,500
B.43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1,394,997,500
	KEMENTERIAN PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN	686,957,000
B.44	Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan	686,957,000
	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	408,841,400
B.45	Kementerian Belia dan Sukan	408,841,400
	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	555,908,700
B.46	Kementerian Sumber Manusia	555,908,700
	KEMENTERIAN PENERANGAN	999,857,600
B.47	Kementerian Penerangan	999,857,600
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	781,390,900
B.48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	781,390,900
	KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI	9,682,119,800
B.49	Kementerian Pengajian Tinggi	9,682,119,800
	KEMENTERIAN PERTAHANAN	10,650,504,000
B.60	Kementerian Pertahanan	10,650,504,000
	KEMENTERIAN DALAM NEGERI	7,149,051,600
B.62	Kementerian Dalam Negeri	7,149,051,600
	JUMLAH PERBELANJAAN BEKALAN	129,961,382,300
	JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS	154,169,803,000

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2009 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2009**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>ANGGARAN 2009</i>		
		<i>CARA LANGSUNG</i>	<i>PINJAMAN</i>	<i>JUMLAH</i>
<i>(1)</i>	<i>(2)</i>	<i>(3)</i> <i>RM</i>	<i>(4)</i> <i>RM</i>	<i>(5)</i> <i>RM</i>
JABATAN PERDANA MENTERI				
P.6	Jabatan Perdana Menteri	10,256,759,000	31,800,000	10,288,559,000
P.7	Jabatan Perkhidmatan Awam	50,288,000	0	50,288,000
KEMENTERIAN KEWANGAN				
P.10	Perbendaharaan	1,007,753,800	307,100,000	1,314,853,800
KEMENTERIAN LUAR NEGERI				
P.13	Kementerian Luar Negeri	262,494,000	0	262,494,000
KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI				
P.20	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	163,738,100	17,000,000	180,738,100
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI				
P.21	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	2,687,272,800	90,000,000	2,777,272,800
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH				
P.22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	2,681,655,000	99,000,000	2,780,655,000
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR				
P.23	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	2,325,738,800	0	2,325,738,800
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI				
P.24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	1,298,226,000	0	1,298,226,000
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA				
P.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	19,989,000	0	19,989,000
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI				
P.26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	1,112,527,800	310,850,000	1,423,377,800

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2009 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2009**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>ANGGARAN 2009</i>		
		<i>CARA LANGSUNG</i>	<i>PINJAMAN</i>	<i>JUMLAH</i>
<i>(1)</i>	<i>(2)</i>	<i>(3)</i> <i>RM</i>	<i>(4)</i> <i>RM</i>	<i>(5)</i> <i>RM</i>
	KEMENTERIAN KERJA RAYA			
P.27	Kementerian Kerja Raya	2,503,853,200	86,100,000	2,589,953,200
	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN			
P.28	Kementerian Pengangkutan	2,579,571,500	499,000,000	3,078,571,500
	KEMENTERIAN TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI			
P.29	Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi	1,779,359,000	1,280,325,000	3,059,684,000
	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI			
P.30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	1,339,770,700	0	1,339,770,700
	KEMENTERIAN PELANCONGAN			
P.31	Kementerian Pelancongan	286,019,000	0	286,019,000
	KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN			
P.32	Kementerian Wilayah Persekutuan	331,334,000	0	331,334,000
	KEMENTERIAN PELAJARAN			
P.41	Kementerian Pelajaran	4,053,600,000	0	4,053,600,000
	KEMENTERIAN KESIHATAN			
P.42	Kementerian Kesihatan	2,282,874,000	0	2,282,874,000
	KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN			
P.43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2,529,088,000	0	2,529,088,000
	KEMENTERIAN PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN			
P.44	Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan	217,360,000	0	217,360,000
	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN			
P.45	Kementerian Belia dan Sukan	746,064,800	0	746,064,800

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2009 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2009**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>ANGGARAN 2009</i>		
		<i>CARA LANGSUNG</i>	<i>PINJAMAN</i>	<i>JUMLAH</i>
<i>(1)</i>	<i>(2)</i>	<i>(3) RM</i>	<i>(4) RM</i>	<i>(5) RM</i>
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA				
P.46	Kementerian Sumber Manusia	374,662,000	0	374,662,000
KEMENTERIAN PENERANGAN				
P.47	Kementerian Penerangan	79,121,000	0	79,121,000
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT				
P.48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	151,832,000	0	151,832,000
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI				
P.49	Kementerian Pengajian Tinggi	4,433,556,000	0	4,433,556,000
KEMENTERIAN PERTAHANAN				
P.60	Kementerian Pertahanan	2,351,153,500	0	2,351,153,500
KEMENTERIAN DALAM NEGERI				
P.62	Kementerian Dalam Negeri	1,102,309,000	0	1,102,309,000
SIMPANAN LUAR JANGKA				
P.70	Simpanan Luar Jangka	2,000,000,000	0	2,000,000,000
JUMLAH		51,007,970,000	2,721,175,000	53,729,145,000

LAMPIRAN C

ANGGARAN PERBELANJAAN 2009

<u>Sektor</u> (1)	<u>Anggaran Mengurus (RM juta)</u> (2)	<u>Anggaran Pembangunan (RM juta)</u> (3)	<u>Jumlah Anggaran (RM juta)</u> (4)	<u>Peratus Daripada Jumlah</u> (5)
I. EKONOMI	<u>13,627.6</u>	<u>27,744.9</u>	<u>41,372.5</u>	<u>19.9</u>
a. Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar	4,363.8	3,521.7	7,885.5	3.8
b. Pembangunan Sumber- sumber Galian	58.1	1,034.7	1,092.8	0.5
c. Perdagangan dan Perindustrian	5,370.7	4,302.7	9,673.4	4.7
d. Pengangkutan	3,681.0	7,605.4	11,286.4	5.4
e. Perhubungan	61.8	555.6	617.4	0.3
f. Tenaga & Kemudahan- kemudahan Awam	92.2	8,215.8	8,308.0	4.0
g. Kajian Kemungkinan	0.0	35.7	35.7	0.0
h. Penyelidikan & Pembangunan	0.0	611.1	611.1	0.3
i. Alam Sekitar	0.0	1,862.2	1,862.2	0.9
II. SOSIAL	<u>55,652.1</u>	<u>17,794.2</u>	<u>73,446.3</u>	<u>35.3</u>
a. Pendidikan dan Latihan	37,668.0	10,087.4	47,755.4	23.0
b. Kesihatan & Kependudukan	11,453.2	2,307.9	13,761.0	6.6
c. Penerangan dan Penyiaran	1,000.0	79.1	1,079.0	0.5
d. Perumahan	1,421.2	1,399.5	2,820.8	1.4
e. Kebudayaan, Belia dan Sukan	1,545.6	385.8	1,931.4	0.9
f. Majlis-majlis Tempatan	2,564.2	2,378.7	4,942.9	2.4

<u>Sektor</u> (1)	<u>Anggaran Mengurus (RM juta)</u> (2)	<u>Anggaran Pembangunan (RM juta)</u> (3)	<u>Jumlah Anggaran (RM juta)</u> (4)	<u>Peratus Daripada Jumlah</u> (5)
g. Pembangunan Masyarakat dan Desa	0.0	1,152.3	1,152.2	0.6
h. Pembelian Tanah	0.0	3.5	3.5	0.0
III. KESELAMATAN	<u>18,232.0</u>	<u>4,072.9</u>	<u>22,304.9</u>	<u>10.7</u>
a. Pertahanan	10,650.5	3,013.7	13,664.2	6.6
b. Keselamatan Dalam Negeri	7,581.5	1,059.2	8,640.7	4.2
IV. PENTADBIRAN AM	<u>12,382.6</u>	<u>2,117.1</u>	<u>14,499.7</u>	<u>7.0</u>
a. Perkhidmatan Jabatan	10,984.9	2,066.7	13,051.6	6.3
b. Perkhidmatan Luar Negeri	509.6	0.0	509.6	0.2
c. Bayaran Balik dan Bayaran Ganti	888.1	0.0	888.1	0.4
d. Pembaikan & Pengubahsuaian	0.0	50.4	50.4	0.0
V. TANGGUNGAN TERTENTU	<u>20,721.5</u>	<u>0.0</u>	<u>20,721.5</u>	<u>10.0</u>
a. Pencen dan Ganjaran	7,248.7	0.0	7,248.7	3.5
b. Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	13,472.8	0.0	13,472.8	6.5
VI. BAYARAN PINDAHAN	<u>33,554.0</u>	<u>0.0</u>	<u>33,554.0</u>	<u>16.1</u>
a. Pemberian dan Pinjaman Kepada Negeri	2,475.0	0.0	2,475.0	1.2
b. Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	3,365.2	0.0	3,365.2	1.6
c. Caruman Lain	10.5	0.0	10.5	0.0
d. Bayaran Pindahan Lain	27,703.3	0.0	27,703.3	13.3

<u>Sektor</u> (1)	<u>Anggaran Mengurus (RM juta)</u> (2)	<u>Anggaran Pembangunan (RM juta)</u> (3)	<u>Jumlah Anggaran (RM juta)</u> (4)	<u>Peratus Daripada Jumlah</u> (5)
VII. SIMPANAN LUAR JANGKA	<u>0.0</u>	<u>2,000.0</u>	<u>2,000.0</u>	<u>1.0</u>
JUMLAH	<u>154,169.8</u>	<u>53,729.1</u>	<u>207,898.9</u>	<u>100.0</u>

CATATAN: Klasifikasi mengikut sektor dalam jadual di atas adalah menurut klasifikasi yang lazim dipakai bagi perbelanjaan Kerajaan dan terdiri daripada pelbagai Maksud Perbelanjaan menyebabkan jumlah peruntukan yang ditunjukkan mungkin berbeza dengan jumlah peruntukan yang ditunjukkan di bawah Maksud-maksud Perbelanjaan bagi Kementerian/Jabatan yang terdapat dalam Buku Anggaran Perbelanjaan.

DEWAN RAKYAT 18 OGOS 2008 HINGGA 11 DISEMBER 2008
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS (BEKALAN) DAN PEMBANGUNAN 2009

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	ANGGARAN PERBELANJAAN		JUMLAH BESAR (RM)
		MENGURUS (RM)	PEMBANGUNAN (RM)	
1.	PARLIMEN	B.1	70,494,400	70,494,400
2.	PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA	B.2	1,959,000	1,959,000
3.	JABATAN AUDIT	B.3	150,825,700	150,825,700
4.	SURUHANJAYA PILIHAN RAYA	B.4	39,375,900	39,375,900
5.	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	B.5	50,260,700	50,260,700
6.	JABATAN PERDANA MENTERI		5,683,102,000	10,338,847,000
	a) Jabatan Perdana Menteri	B.6	3,661,392,300	P.6 10,288,559,000
	b) Jabatan Perkhidmatan Awam	B.7	1,721,299,400	P.7 50,288,000
	c) Jabatan Peguam Negara	B.8	139,377,600	139,377,600
	d) Badan Pencegah Rasuah	B.9	161,032,700	161,032,700

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	ANGGARAN PERBELANJAAN		JUMLAH BESAR (RM)
		MENGURUS (RM)	PEMBANGUNAN (RM)	
7.	KEMENTERIAN KEWANGAN			41,169,851,600
	a) Perbendaharaan	B.10	P.10	3,538,242,400
	b) Perkhidmatan Am Perbendaharaan	B.11		31,223,009,100
	c) Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	B.12		4,408,600,100
	d) Simpanan Luar Jangka		P.70	2,000,000,000
8.	KEMENTERIAN LUAR NEGERI	B.13	P.13	772,076,100
9.	KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI	B.20	P.20	1,624,998,000
10.	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	B.21	P.21	6,584,766,900
11.	KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH	B.22	P.22	3,821,850,600
12.	KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR	B.23	P.23	3,259,257,100
13.	KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI	B.24	P.24	1,763,076,000

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	ANGGARAN PERBELANJAAN		JUMLAH BESAR (RM)		
		MENGURUS (RM)	PEMBANGUNAN (RM)			
14.	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA	B.25	377,499,100	P.25	19,989,000	397,488,100
15.	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI	B.26	2,342,153,400	P.26	1,423,377,800	3,765,531,200
16.	KEMENTERIAN KERJA RAYA	B.27	1,388,326,700	P.27	2,589,953,200	3,978,279,900
17.	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	B.28	876,398,500	P.28	3,078,571,500	3,954,970,000
18.	KEMENTERIAN TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI	B.29	92,189,100	P.29	3,059,684,000	3,151,873,100
19.	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	B.30	814,923,700	P.30	1,339,770,700	2,154,694,400
20.	KEMENTERIAN PELANCONGAN	B.31	649,674,700	P.31	286,019,000	935,693,700
21.	KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	B.32	258,303,800	P.32	331,334,000	589,637,800
22.	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN	B.40	16,904,400			16,904,400
23.	KEMENTERIAN PELAJARAN	B.41	27,350,295,000	P.41	4,053,600,000	31,403,895,000
24.	KEMENTERIAN KESIHATAN	B.42	11,433,169,900	P.42	2,282,874,000	13,716,043,900
25.	KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	B.43	1,394,997,500	P.43	2,529,088,000	3,924,085,500

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	ANGGARAN PERBELANJAAN		JUMLAH BESAR (RM)		
		MENGURUS (RM)	PEMBANGUNAN (RM)			
26.	KEMENTERIAN PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN	B.44	686,957,000	P.44	217,360,000	904,317,000
27.	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	B.45	408,841,400	P.45	746,064,800	1,154,906,200
28.	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	B.46	555,908,700	P.46	374,662,000	930,570,700
29.	KEMENTERIAN PENERANGAN	B.47	999,857,600	P.47	79,121,000	1,078,978,600
30.	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	B.48	781,390,900	P.48	151,832,000	933,222,900
31.	KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI	B.49	9,682,119,800	P.49	4,433,556,000	14,115,675,800
32.	KEMENTERIAN PERTAHANAN	B.60	10,650,504,000	P.60	2,351,153,500	13,001,657,500
33.	KEMENTERIAN DALAM NEGERI	B.62	7,149,051,600	P.62	1,102,309,000	8,251,360,600
	JUMLAH BESAR		129,961,382,300		53,729,145,000	183,690,527,300